3 Mac 2020
*3 March 2020*
P.U. (A) 81

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

## *FREE ZONES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA ZON BEBAS 1990

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33(1) dan seksyen 47 Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Zon Bebas (Pengkompaunan Kesalahan) 2020**.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun**

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

**Cara mengkompaun**

4. (1) Apabila menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, mana-mana pegawai kanan kastam boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengeluarkan tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan masa sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan masa sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu secara tunai atau draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

*(a)* kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Zon Bebas 1990 seperti yang berikut:

seksyen 5 dibaca bersama seksyen 9
seksyen 6A dibaca bersama seksyen 9
seksyen 8 dibaca bersama seksyen 9
seksyen 8A dibaca bersama seksyen 19
seksyen 10A
seksyen 15 dibaca bersama seksyen 19
subseksyen 20A(4)
subseksyen 27(2)
seksyen 42A dibaca bersama seksyen 19
seksyen 42B dibaca bersama seksyen 19
seksyen 42C dibaca bersama sekysen 19

*(b)* kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991 [*P.U. (A) 321/1991*] seperti yang berikut:

peraturan 4
peraturan 15
peraturan 21
peraturan 22
peraturan 23
peraturan 26
peraturan 30

*(c)* kesalahan yang dilakukan di bawah perenggan *(a)* atau *(b)* dibaca bersama seksyen 20 Akta Zon Bebas 1990.


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KEDUA
[Subperaturan 2(2), 3(1), 3(2) dan 4(1)]

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA ZON BEBAS 1990

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

**KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33(1) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya ……………………………………………..…………… *(nama)* ………………………………….…………… dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun ………………………………………….……… *(nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat)* …………………………………... bagi kesalahan yang dilakukan di bawah …………………………………….……………………………. yang dikatakan telah dilakukan pada ………………... *(tarikh)* …………………… di …………….. *(tempat)* ………………………. .

Tarikh:

……………………………………………

Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BORANG 2

[Subperaturan 3(1) dan 4(1)]

AKTA ZON BEBAS 1990

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

**TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Nombor rujukan : …………………………………………..

Tarikh : …………………………………………..

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

…………………………………………..

…………………………………………..

…………………………………………..

Kepada:

…………………………………………..

…………………………………………..

…………………………………………..

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda …………………………………………………..

*(nyatakan nama *syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada)*

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu sebagaimana butir-butir yang berikut:

*(a)* peruntukan *Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan:

…………………………………………………………………………………………………………….....

…………………………………………………………………………………………………………….....

*(b)* tarikh : ………………………………………………………………………………………..……......

*(c)* masa : ………………………………………………………………………………………..……......



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

*(d)* tempat : ……………………………………………………………………………………………….……......

*(e)* butir-butir kesalahan:

………………………………………………………………………………………..……........................

2. Menurut subseksyen 33(1) Akta Zon Bebas 1990, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM ……………………………………………………………………………....……………………………. (………..………………………….....……………. ringgit sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, bayaran hendaklah dibuat secara *tunai/draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais dan dihantar secara serahan tangan ke Pejabat Kastam yang berkenaan.

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini adalah sah sehingga ……………………………………..

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH"

Ketua Pengarah Kastam dan Eksais
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BORANG 3

[Subperaturan 3(2)]

AKTA ZON BEBAS 1990

PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

…………………………………………..

…………………………………………..

…………………………………………..

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ………………………………………….. bertarikh …………………………………………… .

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran kompaun itu dan disertakan bersama dengan ini pembayaran secara *tunai/draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais bagi jumlah wang sebanyak RM ………………………………... (…………………………………………..ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

| | |
|---|---|
| Tandatangan | : ……………………………………………………………… |
| Nama *(huruf besar)* | : ……………………………………………………………… |
| *No. Kad Pengenalan/No. Pasport | : ……………………………………………………………… |
| Untuk dan bagi pihak *(jika berkenaan)* | : ……………………………………………………………… (nama *syarikat/perniagaan) |



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Cop rasmi *syarikat/perniagaan *(jika berkenaan)*:

……………………………………………………………………………

Alamat:

…………………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………………

Tarikh: ……………………………..

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Dibuat 21 Februari 2020
[SULIT KE.HD(122)009/17 Klt.2(5); PN(PU2)485/X]

LIM GUAN ENG
*Menteri Kewangan*


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 33(1) and section 47 of the Free Zones Act 1990 [*Act 438*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Free Zones (Compounding of Offences) Regulations 2020**.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the written consent of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

**Offer and acceptance of compound**

3. (1) An offer to compound a compoundable offence shall be made in Form 2 of the Second Schedule.

(2) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule.

**Method of compounding**

4. (1) Upon receipt of information or complaint that a compoundable offence has been committed, any senior officer of customs may, with the written consent of the Public Prosecutor, issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence is for a period of fourteen days or such extended time as the Director General may grant, and if full payment of the sum offered


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

is made on or before the expiry of fourteen days or such extended time as the Director General may grant, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

(3) If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation (2), prosecution may be instituted without further notice.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound by cash or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General.

(2) The Director General shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FIRST SCHEDULE
[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The following offences are prescribed as compoundable offences:

*(a)* offences committed under the Free Zones Act 1990 as follows:

section 5 read together with section 9
section 6A read together with section 9
section 8 read together with section 9
section 8A read together with section 19
section 10A
section 15 read together with section 19
subsection 20A(4)
subsection 27(2)
section 42A read together with section 19
section 42B read together with section 19
section 42C read together with section 19

*(b)* offences committed under the Free Zones Regulations 1991 [*P.U. (A) 321/1991*] as follows:

regulation 4
regulation 15
regulation 21
regulation 22
regulation 23
regulation 26
regulation 30

*(c)* offences committed under paragraph *(a)* or *(b)* read together with section 20 of the Free Zones Act 1990.


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

SECOND SCHEDULE
[Subregulations 2(2), 3(1), 3(2) and 4(1)]

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

IN exercise of the powers conferred by subsection 33(1) of the Free Zones Act 1990 [*Act 438*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], I …………………………………………………………. *(name)* …………………………………………………………. give consent to compound …………………………………………………. *(name of the person to whom the compound offer is made)* …………………………………………………. for the offence/offences committed under ………………………………………………………………………… which is/are said to have been committed on ……………………… *(date)* ……………………… at ……………………………………………………… *(place)* ……………………………………………………… .

Date:

……………………………………………..

Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FORM 2

[Subregulations 3(1) and 4(1)]

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

Reference number : …………………………………………..

Date : …………………………………………..

Royal Malaysian Customs Department

…………………………………………………………

…………………………………………………………

…………………………………………………………

To:

…………………………………………………………

…………………………………………………………

…………………………………………………………

*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you…………………………………………………..

*(state name of *company/business/other body, if any)*

and you are found to have committed the offence under the Free Zones Act 1990 [*Act 438*]/regulations made under the Act with the following particulars:

*(a)* relevant provision of the *Act/regulations:

…………………………………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………………………………...

*(b)* date : ………………………………………………………………………………………………………......



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

*(c)* time : ……………………………………………………………………………………………………………

*(d)* place : ……………………………………………………………………………………………………………

*(e)* particulars of offence:

……………………………………………………………………………………………………………

2. Pursuant to subsection 33(1) of the Free Zones Act 1990, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence/offences stated above for the sum of RM …………………………………………………………………………… (…………………………………………………… ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made by *cash/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Customs and Excise and sent by hand to the relevant Customs Office.

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until ……………………………………………………………

6. If no payment is received within the period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Thank you.

"SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH"

Director General of Customs and Excise
Royal Malaysian Customs Department

*Delete whichever is inapplicable


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FORM 3

[Subregulation 3(2)]

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

To:
…………………………………………..

…………………………………………..

…………………………………………..

*Sir/Madam,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number ……..……………………… dated ……..……………………… .

2. I admit that I have committed this offence/these offences and I accept the offer to compound and enclosed herewith is the payment by *cash/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Customs and Excise for the sum of RM ………………………………… (.……………………………. ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature : ……………………………………………………………………………

Name *(in capital letter)* : ……………………………………………………………………………

*Identification No./Passport No. : ……………………………………………………………………………

For and on behalf *(if applicable)* : ……………………………………………………………………………
(name of *company/business)



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Official stamp of *company/business *(if applicable)*:

……………………………………………………………………………

Address:

…………………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………………

Date: ………………………….

*Delete whichever is inapplicable

Made 21 February 2020
[SULIT KE.HD(122)009/17 Klt.2(5); PN(PU2)485/X]

LIM GUAN ENG
*Minister of Finance*


Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia